

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTA JAM)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik anak muda “Not In Education, Employment or Training” (NEET) mengikut kumpulan kumpulan umur sehingga 40 tahun, pecahan negeri, jantina, kumpulan etnik dan tahap pendidikan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Agensinya, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) sedang mendapatkan data berhubung NEET (*Not in Employment, Education or Training*) melalui Projek Geran Jangka Masa Panjang, Kajian “*Youth In The Marginalised Communities: Towards Regenerating Youth Development*” bermula pada tahun 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2016. Projek kajian ini menfokuskan kepada responden belia yang berumur dalam lingkungan 15 tahun hingga 25 tahun yang melibatkan lokaliti Bandar dan luar Bandar. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kuantitatif dan kualitatif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian ini dilaksanakan bersama pasukan penyelidik daripada pelbagai universiti tempatan antaranya dan Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Sekian. Terima kasih.